

Analisis tujuan *amr* berkaitan makanan halal dalam surah al-Baqarah

[Analysis of the purpose of *amr* in the context of halal food in surah al-Baqarah]

Syakirah Rifa'in@Mohd Rifain* & Mat Taib Pa

Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Syakirah Rifa'in@Mohd Rifain. Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: syakirah87@um.edu.my, <https://orcid.org/0000-0003-1129-5097>.

Kata Kunci:

Balaghah, Tujuan *amr*, *Fi'l Amr*, Makanan Halal, al-Baqarah

ABSTRAK

Adakah semua ayat *amr* mempunyai makna *haqīqī* dan *majāzī* dalam surah al-Baqarah? Kajian ini membincangkan mengenai tujuan lafaz *amr* dalam surah al-Baqarah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk dan tujuan *amr* (perintah) bagi konteks makanan halal dalam surah al-Baqarah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan teknik analisis teks Kuckartz (2014) berdasarkan konteks ayat dengan menggunakan tafsir-tafsir yang berkaitan dari ulama silam dan moden. Penulis menggunakan teori utama, iaitu Teori 'Abbās (1997). Kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya terdapat lima ayat berkaitan makanan halal dalam surah al-Baqarah yang menggunakan satu bentuk *amr*, iaitu *fi'l amr*. Bagi tujuan *amr* pula terdapat tiga tujuan iaitu wajib, *ibāhat* (harus) dan *al-qudrat* (kekuasaan). Tujuan *amr* yang paling banyak digunakan ialah *ibāhat*, iaitu sebanyak lima (5) kali, diikuti wajib sebanyak empat (4) kali dan *al-qudrat* satu (1) kali. Kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa ayat-ayat *amr* bagi konteks makanan halal mempunyai makna *haqīqī* dan *majāzī* dalam surah al-Baqarah.

Keywords:

Balaghah, The Purpose of *Amr*, *Fi'l Amr*, Halal Food, al-Baqarah

ABSTRACT

Do all the verses of amr have hakīkī and majāzī meaning? This study discusses the purpose of amr in surah al-Baqarah. The objective of this study is to identify the form and purpose of amr in the context of halal food in surah al-Baqarah. This study is a qualitative study that uses Kuckartz (2014) text analysis techniques based on sentences using interpretations carried out by past and modern scholars. The author uses the 'Abbās Theory (1997). The findings of the study found five verses about halal food in surah al-Baqarah which uses fi'l amr. There are three purposes of amr which are wajib, ibāhat and al-qudrat. The purpose of amr that is regularly used is ibāhat five times, followed by wajib four times and al-qudrat only once. In conclusion, it clearly shows that the verses of amr in the context of halal food possess the meaning of hakīkī and majāzī in surah al-Baqarah.

1. Pengenalan

Al-Quran merupakan kalam suci Allah SWT yang mengandungi petunjuk dan mengungkapkan solusi terhadap pelbagai perkara (Usman & Ahmad, 2019). Al-Quran mempunyai ungkapan kata balaghah kerana kata-kata yang digunakan mempunyai makna yang jelas dan sempurna serta sampai ke dalam hati pembaca atau pendengar. Keaslian dan keindahan al-Quran dari segi balaghahnya tidak dapat ditandingi dan ditukar. Ungkapan kata dalam al-Quran adalah sangat indah dan mampu menceritakan kegembiraan, kekaguman dan ketakutan yang dikemas dengan indah (Syafrijal, 2013).

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang tertua di dunia. Antara kelebihan bahasa Arab yang tidak ada pada mana-mana bahasa ialah bahasa Arab diangkat darjat sebagai bahasa al-Quran oleh Allah SWT (Azhar, 2008). Ini dapat dibuktikan apabila Allah SWT telah menyandarkan perkataan ‘Arab’ kepada al-Quran di dalam beberapa ayat al-Quran antaranya surah Yusuf ayat 2:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“*Sesungguhnya kami menurunkan kitab itu berupa al-Quran dibaca dengan bahasa Arab supaya kamu (menggunakan akal) untuk memahaminya*”

Seterusnya disebut juga dalam surah al-Nahl ayat 103:

لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya:

“*Al-Quran adalah dalam bahasa Arab yang terang*”

Oleh kerana bahasa Arab merupakan bahasa al-Quran, maka ia dijamin berkekalan sehingga akhir zaman. Kekalnya bahasa Arab sehingga hari ini adalah disebabkan adanya al-Quran yang menjadi sumber rujukan dan bacaan umat Islam (Azhar, 2008). Al-Quran juga telah menjadikan bahasa Arab kaya dengan kosa kata dan keindahan gaya bahasanya tidak dapat ditandingi oleh manusia (Azhar, 2008). Balaghah memainkan peranan penting dalam menjelaskan maksud sebenar ayat-ayat al-Quran (Roslan, et al., 2018). Balaghah adalah ilmu bahasa yang diterapkan dalam memahami konteks dan makna ayat serta tema tertentu dalam al-Quran dari sudut retorik (Wan Azura, et al., 2017). Ilmu balaghah telah menunjukkan rahsia kemukjizatan al-Quran berdasarkan kajian gaya bahasanya dengan penyampaian makna yang berbeza. Ia merupakan suatu disiplin ilmu yang berlandaskan kepada kejernihan jiwa dan ketelitian dalam menghayati keindahan dan penjelasan perbezaan yang samar antara pelbagai *uslub* (Husni, 2017). *Uslub* yang sesuai dalam setiap ayat yang diberikan memainkan peranan penting dalam menyampaikan pesanan dengan berkesan sebagaimana terdapat dalam al-Quran (Roslan, et al., 2012). Justeru kajian ini akan membincangkan mengenai tujuan *amr* bagi konteks makanan halal dalam surah al-Baqarah.

Penulis telah memilih surah al-Baqarah kerana di dalamnya mengandungi banyak ayat *amr* yang mana sebahagian besar tajuk-tajuk dan hukum hakam perundangan Islam terkandung dalamnya. Sebagaimana terdapat dalam tafsir Ibn Kathir (1999) yang menyatakan bahawa sebahagian ulama menjelaskan surah al-Baqarah mengandungi seribu khabar berita, seribu perintah dan seribu larangan. Secara umumnya, kajian ini hanya memfokuskan kepada ayat yang berkaitan makanan halal sahaja.

2. Kajian Literatur

Bagian ini akan menjelaskan secara terperinci mengenai definisi *amr* dan juga berkaitan tujuan makna *amr*.

2.1 Definisi dan Tujuan Makna Amr

Secara leksikal, *amr* bermaksud perintah dan dalam terminologi ilmu balaghah *amr* ialah permintaan supaya melakukan perbuatan tersebut iaitu orang yang menyuruh lebih tinggi kedudukannya daripada orang yang disuruh (al-Shanqiti, 1995).

Amr mempunyai banyak maksud dan tujuan atau makna *balaghī* sebagaimana ‘Abbās (1997) menjelaskan bahawa terdapat lima belas tujuan *amr* yang masyhur mengikut sarjana balaghah. Di samping itu, beliau menyebut juga tujuan *amr* yang diguna pakai oleh para ulama’ *fiqh* untuk menentukan sesuatu hukum sebanyak sebelas tujuan *amr*. Walau bagaimanapun berlaku pertindihan antara tujuan *amr* yang disebut oleh sarjana balaghah dan *fuqahā*. Setelah digabungkan kedua-duanya maka terdapat dua puluh tujuan *amr*, iaitu ‘Abbās (1997):

i. *Du ā*’ (permohonan). *Du ā*’ bermaksud permohonan hamba kepada Tuhannya seperti dalam surah al-Sād ayat 35:

رَبِّ أَغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَنْبَغِي لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٣٥﴾

“Ya Tuhanku, **ampunilah** aku dan **anugerahkanlah** kepadaku kerajaan yang tidak dimiliki oleh seorang juapun sesudahku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemberi”

ii. *al-Itimās* (permintaan):

أعطني الكتاب
 “Berikan padaku buku itu”

iii. *al-Irsyād* (petunjuk) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 282:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

“Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu berhutang hingga masa yang ditetapkan, **hendaklah** kamu menuliskannya”

iv. *al-I tibār* (pengajaran) seperti dalam surah al-An‘ām ayat 99:

أَنْظُرُوا إِلَىٰ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ

“**Perhatikanlah** buahnya di waktu pohonnya berbuah, dan perhatikanlah ketika ia masak”

v. *al-Takhyīr* (pilihan). Contoh *al-takhyīr* ialah:

تزوج أمينة أو أختها
 “**Kahwinilah** Aminah atau kakaknya”

vi. *al-Ibāḥat* (membolehkan). Contoh *ibāḥat* sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 187:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ

“Dan **makan** dan **minumlah** hingga jelas bagimu benang putih dari benang hitam, yakni fajar...”

vii. *al-Dawām* (berterusan) seperti dalam surah al-Fatihah ayat 6:

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

“**Tunjukkanlah** kami jalan yang lurus”

viii. *al-Ta’dīb* (mendisiplinkan):

يا غلام! سم الله، وكل بيمينك، وكل مما يليك

“Wahai kanak-kanak, **sebutlah** nama Allah pada setiap masa, **makanlah** dengan tangan kananmu dan **mulalah** makan dengan apa yang paling dekat denganmu”

ix. *al-Ta 'ajjub* (hairan), seperti dalam surah al-Isrā' ayat 48:

﴿٤٨﴾ أَنْظِرْ كَيْفَ ضَرَبُوا لَكَ الْأَمْثَالَ فَضَلُّوا فَلَا يَسْتَطِيعُونَ سَبِيلًا

“**Lihatlah** (Wahai Muhammad) bagaimana mereka menyifatkan Engkau dengan yang bukan-bukan, maka dengan sebab itu mereka sesat, sehingga mereka tidak dapat mencari jalan kebenaran”

x. *al-Taḥdīd* (ancaman) atau *al-inzār* (amaran) seperti dalam surah Fuṣṣilat ayat 40:

﴿٤٠﴾ أَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

“**Lakukanlah** apa yang kamu suka, Sesungguhnya Allah Maha melihat apa yang kamu lakukan (dan akan membalasnya)”

xi. *al-Tamanni* (angan-angan)

أَلَا لَيْتَ الشَّبَابَ يَعُودُ يَوْمًا فَأَخْبِرَهُ بِمَا فَعَلَ الْمَشِيبَ

“**Andai** masa muda boleh kembali lagi, pasti aku akan beritahu mereka apa yang aku alami di masa tuaku”

xii. *al-Ihānah* atau *al-tahqīr* (penghinaan) atau *al-taubīkh* (celaan) seperti dalam surah al-Dukhān ayat 49:

﴿٤٩﴾ دُؤِبُوا لِنَفْسِكُمْ إِنَّكَ أَنْتَ أَلْعَزِيزُ الْكَرِيمُ

“**Rasalah** sesungguhnya kamu manusia yang mulia”

xiii. *al-Ta 'jīz* (melemahkan) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 23:

﴿٢٣﴾ فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ لَّهُ

“Maka **datangkanlah** satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu”

xiv. *al-Taswīyah* (penyamaan) seperti dalam surah al-Tūr ayat 16:

﴿١٦﴾ أَصْلَوْهَا فَاصْبِرُوا أَوْ لَا تَصْبِرُوا سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ إِنَّمَا تُحْزَنُونَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

“**Rasalah** (panas apinya); sama ada kamu bersabar (menderita azabnya) atau tidak bersabar, sama sahaja (tidak ada faedahnya) kepada kamu, kerana kamu tidak dibalas melainkan dengan apa yang kamu telah kerjakan”

xv. *al-Imtīnān* (pemberian anugerah) seperti dalam surah al-Naḥl ayat 114:

﴿١١٤﴾ فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَلًا طَيِّبًا

“Maka **makanlah** yang halal lagi baik daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu”

xvi. *al-Wujūb*

﴿١٢٧﴾ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

“**Dirikanlah** solat dan **tunaikanlah** zakat serta **rukuklah** kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”

xvii. *al-Nadb* (sunat) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 195:

﴿١٩٥﴾ وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ

“**Keluarkanlah** nafkah kalian di jalan Allah...”

xviii. *al-Ikrām* (memuliakan)

أَدْخُلُوهَا بِسَلَامٍ ءَامِنِينَ ﴿٤٦﴾

“Masuklah ke dalamnya dengan selamat”

xix. *al-Taskhīr* (mengejek) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 65:

كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾

“Jadilah kamu kera yang hina”

xx. *al-Qudrat* (kekuasaan) seperti dalam surah al-Baqarah ayat 117:

وَإِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ وَكُن فَيَكُونُ ﴿١١٧﴾

“Apabila Dia berkehendak (untuk menciptakan) sesuatu, maka (cukuplah) Dia hanya mengatakan: “Jadilah” Maka jadilah ia”

3. Permasalahan Kajian

Secara umumnya, *amr* mempunyai maksud secara langsung dan tidak langsung. Makna secara langsung atau diistilahkan sebagai makna *haqiqī* atau tersurat menunjukkan makna suruhan secara jelas (‘Abbās, 1997) sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”

Perkataan *أقيموا* (dirikanlah), *آتوا* (tunaikanlah) dan *اركعوا* (rukuklah) dalam ayat tersebut merupakan *fi’l amr*. Justeru, ayat di atas jelas menunjukkan makna perintah secara langsung supaya mendirikan solat dan menunaikan zakat. Berbeza pula dengan makna *majāzī* atau makna tersirat. Dalam konteks tertentu kalimah *amr* terkadang menyimpang dari makna asalnya sebaliknya menunjukkan makna-makna lain, antaranya ialah makna *irshād* (bimbingan), *tamannī* (angan-angan), *ibāḥat* (harus), *takhyīr* (pilihan) dan *tahdīd* (ancaman) dan sebagainya. Ia disebut sebagai makna secara tidak langsung atau *majāzī*. Contohnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 282:

...وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رَجَالِكُمْ... ﴿٢٨٢﴾

Maksudnya:

“...dan persaksikanlah dengan dua orang saksi dari orang lelaki antara kamu...”

Berdasarkan ayat *استشهدوا* menunjukkan perintah supaya menghadirkan dua orang saksi dalam berutang, tetapi dari segi makna tersiratnya ia menunjukkan makna *irshād* atau sebagai petunjuk ketika bermuamalah menguruskan masalah hutang dan harta kekayaan. Ayat tersebut mengandungi petunjuk atau bimbingan sekiranya terjadi transaksi jual beli atau pinjaman, maka sebaiknya mengemukakan syarat-syaratnya termasuklah waktu pembayarannya. Begitu juga dengan menghadirkan dua orang saksi supaya tidak berlaku kekeliruan dan kelupaan yang boleh menyebabkan pergaduhan, sama ada kecil atau besarnya hutang tersebut. Jika dilihat di sebalik konteksnya *amr* tersebut memberi makna petunjuk kerana di situ Allah SWT menetapkan perlunya saksi dalam muamalah hutang piutang supaya tidak terjadi perselisihan dan dikhuatiri akan mengingkari perjanjian sekiranya tanpa saksi. Justeru, petunjuk tersebut adalah arahan daripada Allah SWT untuk kemaslahatan dunia. Ia merupakan makna *majāzī* atau makna tersirat yang mana bukanlah perintah wajib

walaupun menggunakan *fi'l amr* (al-Zuhaylī, 1991). Begitu juga firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah dalam ayat 187:

... وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ... ﴿١٨٧﴾

Maksudnya:

“... dan makan dan minumlah hingga jelas bagimu benang putih dan benang hitam, yakni fajar...”

Amr dalam ayat ini *كلوا* dan *اشربوا* (makan dan minumlah) bukanlah memberi makna wajibnya makan dan minum pada malam hari bagi orang berpuasa tetapi dibolehkan makan dan minum sehingga terbitnya fajar kerana makan dan minum itu pada waktu malam adalah baik bagi orang berpuasa (al-Zuhaylī, 1991).

Persoalan yang timbul ialah apakah makna-makna *amr* yang terdapat dalam surah al-Baqarah? Adakah semua ayat *amr* mempunyai makna *haqīqī* dan *majāzī*? Inilah persoalan utama yang akan cuba dijawab dalam kajian ini. Dalam surah al-Baqarah terdapat pelbagai konteks antaranya puasa, makanan halal, hutang, zakat, *iddah* dan sebagainya. Justeru penulis memfokuskan kepada konteks makanan halal sahaja sebagai subjek kajian supaya lebih jelas dan mudah difahami. Di samping itu juga konteks makanan halal mempunyai lebih daripada dua ayat dalam surah al-Baqarah dan ia bersesuaian dengan kehendak kajian.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini akan menganalisis dan menghuraikan secara terperinci ayat-ayat *amr* dengan menggunakan kaedah analisis teks dalam surah al-Baqarah dari sudut tujuan *amr*. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penulis menggunakan penyelidikan kualitatif. Dalam kajian ini juga, diperhatikan bahawa terdapat lima ayat yang berkaitan makanan halal dalam surah al-Baqarah. Walaupun dalam ayat 187 juga membincangkan berkaitan makanan, namun ia bukanlah termasuk dalam konteks makanan halal kerana ia adalah konteks puasa berdasarkan konteks ayat tersebut. Oleh itu, penulis hanya memilih subjek kajian yang hanya memfokuskan kepada makanan halal sahaja.

Kajian ini menggunakan metod analisis teks iaitu menggunakan teks al-Quran yang memfokuskan kepada struktur ayat *amr* dalam surah al-Baqarah. Secara umumnya proses analisis teks mengikut Udo Kuckartz (2014) berdasarkan kajian ini terdiri daripada lima kategori iaitu membaca dan menafsirkan teks, membina kategori bentuk-bentuk *amr*, menentukan konteks ayat, menganalisis ayat-ayat *amr* dan mempersembahkan dapatan kajian.

Selain itu, penulis menggunakan teori utama, iaitu Teori ‘Abbās (1997) kerana teori tersebut mengandungi dua bahagian utama iaitu *ṭuruq amr* dan *al-ma‘ānī al-majāziyyat*. Dalam *ṭuruq amr* terdapat lima jenis bentuk, iaitu *fi'l amr*, *lām amr*, *maṣdar*, *ism fi'l*, dan *uṣlūb khabarīy*. Manakala bagi *al-ma‘ānī al-majāziyyat* terdapat dua puluh jenis tujuan antaranya *al-imtīnān*, *al-tamannī*, *al-irshād* dan lain-lain lagi. Penulis menggunakan teori ini kerana ia lengkap, moden dan sesuai dengan kehendak kajian ini yang mana menepati objektif kajian di samping ia merangkumi aspek balaghah secara khusus. Justeru, teori tersebut digunakan untuk menganalisis dan merumuskan ayat-ayat *amr* berdasarkan konteks ayat.

Untuk mencapai objektif kajian, penulis menganalisis dan mentarjihkan konteks ayat berdasarkan tafsir dan hadis yang menjelaskan mengenai sebab turunnya ayat tersebut untuk menentukan konteks ayat. Begitu juga tujuan *amr* dianalisis berdasarkan Teori ‘Abbās dengan menggunakan pelbagai tafsir yang berkaitan untuk menghuraikan tujuan *amr* dengan terperinci. Bagi interpretasi makna tujuan *amr*, penulis mentarjihkan makna tersebut berdasarkan hujah para ulama.

5. Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan kajian dimulakan dengan menerangkan ayat-ayat *amr* berkaitan makanan halal dalam surah al-Baqarah dan diikuti dengan tujuan lafaz *amr* bagi konteks makanan halal.

5.1 Ayat 57

وَوَهَبْنَا لَكُمْ أَلْعَمَامَ وَأَنْزَلْنَا عَلَيْكُمُ الْمَنَّانَ وَالسَّلْوَٰى كُلُّوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

Maksudnya:

“Dan Kami telah bayangi kamu dengan awan (daripada panas matahari di padang pasir) dan Kami turunkan kepada kamu Manna dan Salwa, lalu Kami berfirman, makanlah daripada makanan-makanan yang baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu. Dan mereka tidak menzalimi Kami tetapi sebenarnya mereka menzalimi diri mereka sendiri”

Ayat ini menjelaskan perintah Allah SWT supaya makan makanan yang halal lagi baik iaitu *manna* dan *salwa*. Dijelaskan lagi bahawa sekiranya Allah SWT mengurniakan apa sahaja nikmat maka dikehendaki menikmatinya tanpa mengharamkannya (al-‘Uthaymīn, 2003).

Para ulama menjelaskan bahawa Bani Israel diberi rezeki oleh Allah SWT daripada *manna* dan *salwa* tanpa perlu berpenat lelah. Mereka dibenarkan mengambil daging untuk dimakan pada hari tersebut dan dilarang menyimpannya sehingga keesokan hari tetapi mereka memungkirkan janji dengan mengambilnya dalam jumlah yang banyak melebihi daripada apa yang mereka perlukan untuk menyimpannya. Akibatnya, Allah SWT menghukum mereka sehingga daging tersebut menjadi busuk. Rasulullah SAW bersabda, “Seandainya bukan kerana sikap Bani Israel nescaya makanan tidak akan basi dan daging tidak akan membusuk” (al-Baghawī, 1989; al-Durrah, 2008).

Amr dalam ayat tersebut ialah *كلوا* yang berbentuk *fi’l amr*. Terdapat beberapa pendapat mengenai tujuan *amr* pada ungkapan *كلوا* yang bermaksud makanlah. Pendapat yang pertama ialah *ibāḥat* atau diharuskan. Hal ini dijelaskan oleh Syeikh al-Islam bahawa barangsiapa yang menahan dirinya daripada makan makanan yang baik tanpa sebab *shar’ī* maka ia adalah perbuatan tercela. Ini adalah jelas kerana meninggalkan perkara yang dibolehkan oleh Allah SWT. Namun, sekiranya ia meninggalkannya dengan sebab *shar’ī* maka tiada celaan baginya. Antara sebab *shar’ī* yang dimaksudkan ialah berkaitan badan contohnya menahan diri dari makan daging atau seumpamanya kerana akan memudaratkan dirinya atau meninggalkannya untuk penjagaan badan (al-‘Uthaymīn, 2003).

Pendapat kedua pula menurut Ibn Kathīr *amr* tersebut mempunyai banyak tujuan *amr* iaitu *ibāḥat* atau harus, *irsyād* atau petunjuk dan *imtinān* atau pemberian Allah SWT. Hal ini kerana beliau menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan supaya makan apa sahaja rezeki halal yang baik yang dikurniakan kepada hamba-Nya (Ibn Kathīr, 1999). Sementara al-Durrah menafsirkan tujuan *amr* yang sama sebagaimana Ibn Kathīr serta menikmati rezeki yang dikurniakan Allah SWT tanpa bertanggung sehingga esok (al-Durrah, 2008).

Penulis bersetuju dengan pendapat yang menyatakan tujuan *amr* tersebut adalah *ibāḥat* atau harus. Hal ini kerana Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya supaya makan apa sahaja rezeki yang halal dan baik yang dikurniakan kepada hamba-Nya selagi mana ia tidak memudaratkan kesihatan dan tubuh badan mereka. Oleh itu, *amr* tersebut bersifat *majāzī*.

5.2 Ayat 58

فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا

Maksudnya:

“Kemudian makanlah dari benda-benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya apa sahaja yang kamu sukai”

Ayat tersebut menjelaskan perintah Allah SWT supaya menikmati apa yang ada dalam Kota tersebut (Ṭaṇṭāwī, 1987). Terdapat satu bentuk *amr* dalam ayat tersebut iaitu *fi’l amr* pada ungkapan *كلوا*. Tujuan *amr* pada ungkapan *كلوا* bersifat *ibāḥat* (al-Rāzī, 1993; al-‘Uthaymīn, 2003). Hal ini kerana Bani Israel dibolehkan menikmati apa yang ada di dalam Kota tersebut serta menikmati hasil yang ada dan makan apa sahaja dari mana-mana tempat yang mereka mahu. Ini adalah menunjukkan kesempurnaan dan keluasan nikmat untuk mereka (Ṭaṇṭāwī, 1987). Oleh itu *amr* tersebut bersifat *majāzī*.

5.3 Ayat 60

وَإِذِ اسْتَسْقَىٰ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا اضْرِبْ بِعَصَاكَ الْحَجَرَ فَانْفَجَرَتْ مِنْهُ اثْنَتَا عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ كُلُوا وَاشْرَبُوا مِن رِّزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“Dan ketika Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka Kami berfirman: Pukullah batu itu dengan tongkatmu, (dia pun memukulnya), lalu terpancutlah dari batu itu dua belas mata air. Sesungguhnya setiap satu puak (antara mereka) telah mengetahui tempat minum masing-masing. Kami berfirman, makan dan minumlah kamu daripada rezeki Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi”

Ayat ini menjelaskan mengenai perintah Allah SWT kepada Bani Israel supaya mengingati nikmat yang diberikan oleh-Nya kepada nenek moyang mereka iaitu ketika mereka mengalami dahaga yang bersangatan di padang pasir lalu nabi Musa AS memohon kepada Allah SWT bekal air dengan penuh khusyuk. Kemudian Allah SWT memakbulkan doa Musa as dengan memerintahkan Musa AS memukul batu dengan tongkatnya. Apabila baginda melakukannya maka keluarlah air dari dua belas mata air dari celah-celah batu kerana terdapat dua belas kabilah yang berasal dari dua belas zuriat nabi Ya‘akub AS. Maka setiap satu mata air dikhususkan kepada satu kabilah supaya tiada pergaduhan berlaku. Allah SWT mengatakan kepada mereka: Nikmatilah apa yang Kami rezekikan kepada kamu daripada makanan dan minuman yang baik tanpa perlu berpenat lelah. Peristiwa ini merupakan mukjizat Allah SWT kepada Musa AS (al-Durrah, 2008; al-Marāghīy, 1946; Ṭaṇṭāwī, 1987; al-Zuhaylī, 1991).

Dijelaskan lagi dalam ayat tersebut bahawa Allah SWT memerintahkan supaya menikmati rezeki yang dikurniakan-Nya iaitu *al-manna* yang merupakan madu yang dicampur air dan *al-salwa* sejenis burung puyuh manakala diperintahkan juga supaya meminum air minuman yang keluar dari celah batu tanpa kerja keras (al-Durrah, 2008; al-Zuhaylī, 1991).

Terdapat tiga ungkapan *amr* dalam ayat ini iaitu *كلوا*, *اشربوا* dan *اضرب* yang berbentuk *fi’l amr*. Bagi ungkapan *fi’l amr* *اضرب* yang bermaksud pukullah menunjukkan *al-qudrat* iaitu kekuasaan Allah SWT kerana tatkala Musa AS memukul batu menggunakan tongkatnya maka terpancutlah air tersebut dari celah-celah batu (al-‘Uthaymīn, 2003). Ini merupakan mukjizat nabi Musa AS yang berlaku dengan kekuasaan-Nya. Ibn ‘Āshūr (1984) menjelaskan dalam tafsirnya bahawa nabi Musa AS mematuhi perintah tersebut supaya memukul batu tanpa keraguan kerana ini merupakan jawapan Allah SWT bagi permohonannya supaya diberikan air. Begitu juga Ṭaṇṭāwī (1987) yang menjelaskan bahawa perintah ini merupakan jawapan bagi permintaan Musa AS. Kemudian al-Rāzī (1981) menafsirkan bahawa pukulan tersebut yang akan memancarkan air. Oleh itu, sekiranya diperintahkan kepada seorang Rasul apa sahaja perintah maka akan menjadi dosa jika ia tidak dilakukan. Hal ini kerana pancutan air tanpa pukulan akan menjadikan *amr* tersebut sia-sia seolah-olah tiada makna pada *amr* *اضرب* ini. Hal ini juga menunjukkan kekuatan Allah SWT.

Manakala tujuan *amr* bagi ungkapan seterusnya iaitu *كلوا* dan *اشربوا* yang bermaksud makan dan minumlah bersifat *ibāḥat* atau harus (Abū Ḥayyān, 1993; al-Rāzī, 1981; al-Zuhaylīy 1991). Al-Rāzī (1981) menjelaskan bahawa diharuskan makan dan minum daripada rezeki yang dikurniakan Allah SWT selagi mana ia diperoleh daripada sumber yang halal. Namun sekiranya ia diperoleh daripada sumber yang haram walaupun ia makanan halal maka ia tetap haram. Kemudian al-Zuhaylī (1991) menjelaskan bahawa diharuskan menikmati serta menggunakan dan menghitung pelbagai nikmat yang Allah SWT berikan kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, ketiga-tiga *amr* dalam ayat tersebut bersifat *majāzī*.

5.4 Ayat 168

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ

Maksudnya:

“Wahai manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan”

Ayat tersebut merupakan perintah Allah SWT supaya makan makanan halal yang ada di bumi yang terdiri dari pelbagai makanan termasuk binatang ternakan yang diharamkan sebelum kedatangan Islam, dan diperintahkan supaya makan apa sahaja makanan yang halal lagi baik. Perintah dalam ayat tersebut ditujukan kepada semua umat Islam (al-Marāghī, 1946).

Menurut al-Kalbi, ayat ini diturunkan kepada kaum bani Thaqif, Khuza'ah, dan Amir bin Sa'sa'ah yang mengharamkan diri mereka sendiri daripada memakan berbagai jenis makanan seperti binatang ternakan, ikan laut dan sebagainya (al-Zuhaylī, 1991). Dari Abi Hurairah RA Rasulullah SAW bersabda: Allah SWT itu baik dan tidak menerima kecuali yang baik-baik. Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan orang-orang beriman dengan apa yang diperintahkan oleh para Nabi. Lalu beliau membaca, "*Wahai para rasul makanlah yang baik-baik dan kerjakanlah amalan soleh*". Disebutkan seorang lelaki ketika dalam perjalanan yang panjang, kusut dan berdebu, menadahkan tangan ke langit wahai Tuhan wahai Tuhan, sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram. Lalu bagaimana doanya akan dikabulkan? (al-Qurtubī, 2006).

Terdapat beberapa pendapat mengenai tujuan *amr* pada ungkapan *كلوا* yang bermaksud makanlah. Pendapat pertama menjelaskan ia bersifat *ibāḥat* atau harus (Ibn Kathīr, 1999; al-Marāghīy, 1946; Ṭanṭāwī, 1987). Hal ini kerana menurut Ibn 'Āshūr, Allah SWT yang menciptakan sesuatu dan Dia berkuasa atas apa yang dikehendaki-Nya. Al-Maraghīy pula menjelaskan bahawa diharuskan makan makanan yang halal iaitu yang diperoleh dengan cara yang baik antaranya makanan tersebut bukan kepunyaan orang lain (al-Marāghīy, 1946). Seterusnya Ṭanṭāwī (1987) menafsirkan bahawa Allah SWT mengharuskan supaya makan makanan yang ada di bumi iaitu yang halal lagi baik kerana boleh menenangkan jiwa dan menyucikan hati.

Pendapat kedua pula menafsirkan bahawa *amr* dalam ayat tersebut menjadi celaan sekiranya meninggalkan perintah tersebut. Hal ini kerana *amr* tersebut bukanlah wajib ataupun *ibāḥat* (Ibn 'Āshūr, 1984). Berdasarkan hujah-hujah tersebut, penulis berpendapat bahawa penggunaan *fi'l amr* dalam konteks ini menunjukkan secara jelasnya bahawa makan makanan halal itu *ibāḥat* yakni harus. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan sebab turunnya ayat 168 sebelum kedatangan Islam bahawa kaum Thaqif dan Khuza'ah yang telah mengharamkan diri mereka daripada memakan makanan halal seperti binatang ternakan, tumbuh-tumbuhan, serta *al-bahirah* (*unta*), *al-wasilah* (*anak unta*) dan sebagainya (al-Zuhaylī, 1991). Jika diperhatikan, walaupun Ibn 'Ashur (1984) menafsirkan *amr* tersebut bukanlah wajib mahupun *ibāḥat*, namun ia menjadi celaan sekiranya meninggalkannya. Di sini menunjukkan bahawa betapa pentingnya makan makanan halal. Justeru, penulis bersetuju tujuan *amr* dalam ayat ini menunjukkan makna *ibāḥat* atau harus. Oleh itu, *amr* dalam ayat tersebut bersifat *majāzī*.

5.5 Ayat 172

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya:

"Wahai orang- yang beriman! Makanlah daripada makanan yang baik (yang halal) yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya menyembah-Nya"

Ayat ini menjelaskan perintah Allah SWT supaya makan daripada makanan yang baik. Makanan yang dimaksudkan di sini ialah yang diperolehi dari mana-mana sumber yang halal sama ada di darat atau laut daripada tumbuh-tumbuhan, haiwan, ikan, burung melainkan makanan yang diharamkan oleh Allah SWT sebagaimana dalam surah al-Maidah ayat 3 (al-Zuhaylī, 1991). Antara makanan haram yang dinyatakan dalam surah al-Maidah ialah bangkai yang mati bukan dari sembelihan mengikut syarak, sama ada disebabkan dipukul atau mati terjatuh atau ditanduk binatang buas dan tidak sempat disembelih ketika masih bernyawa. Begitu juga dengan haiwan yang haram dimakan mengikut hukum asal walaupun disembelih ia tetap haram seperti binatang pemangsa (al-Zuhaylī, 1991). Kemudian Allah SWT memerintahkan supaya bersyukur atas nikmat makanan baik yang dikurniakan itu.

Terdapat dua ungkapan *amr* yang digunakan dalam ayat ini iaitu *كلوا* dan *اشكروا* yang berbentuk *fi'l amr*.

Menurut pendapat Ibn 'Āshūr, dalam tafsirnya menjelaskan bahawa tujuan *amr* pada ungkapan *كلوا* yang bermaksud makanlah menunjukkan *ibāḥat* iaitu harus dan *imtinān* yakni pemberian anugerah daripada Allah SWT (Ibn 'Āshūr, 1984). Oleh itu, *amr* dalam ayat tersebut bersifat *majāzī*.

Justeru, *amr* dalam konteks makanan halal ialah memberi makna *ibāḥat* atau harus kerana Allah SWT mengharuskan makan makanan yang diperolehi daripada mana-mana sumber yang halal. Seterusnya tujuan *amr* bagi ungkapan اشكروا yang bermaksud bersyukurlah bersifat wajib kerana bersyukur pada pemberi nikmat itu wajib (Rashīd Riḍā, 1999). Begitu juga dalam *Tafsir al-Wajīz* menyebut bahawa bersyukur kepada Tuhan yang memberi nikmat itu wajib (al-Wahīdī, 1995). Berdasarkan analisis terperinci tersebut, keseluruhan tujuan-tujuan *amr*, ayat *amr* berserta bilangan tujuan *amr* dapat dirumuskan seperti jadual berikut:

Jadual 1. Analisis Keseluruhan Tujuan *Amr*

No	Tujuan-Tujuan <i>Amr</i>	Ayat <i>Amr</i>	Bilangan Tujuan <i>Amr</i>
1	<i>Hakīkī</i> <i>Wāib</i>	اشكروا	1
2	<i>Majāzī</i> <i>Al-ibāḥat</i>	كلوا	4
3	<i>Al-Qudrat</i>	اشربوا	1
	Jumlah	اضررب	1
			7

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya ayat-ayat *amr* dalam surah al-Baqarah berkaitan konteks makanan halal mempunyai lima ayat. Penulis rumuskan bahawa ayat-ayat *amr* bagi konteks makanan halal mempunyai makna *hakīkī* dan *majāzī* iaitu wajib, *ibāḥat*, dan *al-qudrat*. Tujuan *amr* yang paling banyak digunakan dalam surah al-Baqarah ialah *ibāḥat* iaitu sebanyak 5 kali pada ungkapan كلوا sebanyak empat kali dan اشربوا sekali, diikuti wajib sekali pada ungkapan اشكروا dan *al-qudrat* sekali pada ungkapan اضررب.

Dapatan kajian jelas merungkaikan bahawa di sebalik ayat-ayat *amr* tersebut terdapat banyak maksud dan tujuan atau makna *balaghī* sebagaimana pendapat ‘Abbās. Justeru, penulis berharap agar kajian ilmiah ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak terutama para pencinta bahasa Arab serta ilmuwan bahasa di samping dapat mendedahkan rahsia keunikan dan keindahan al-Quran itu sendiri.

Rujukan

- ‘Abbās, F. H. (1997). *Ilm al-Ma ‘ānī*. Jordan: Dār al-Furqān.
- al-‘Uthaymīn, M. S. (2003). *Tafsīr al-Qurān al-Karīm*. Riyadh: Dār Ibn Jauzī.
- Abū Ḥayyān, M. (1983). *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Azhar, M. (2008). *Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- al-Baghāwī, H. M. (1989). *Tafsīr al-Baghāwī Ma ‘ālim al-Tanzīl*. Riyadh: Dār al-Tayyibah.
- al-Durrah, M. A. T. (2008). *Tafsīr al-Qurān al-Karīm I’rābuhu wa Bayānuhu*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Husni, A. (2017). *Uslūb hakim dalam hadis Nabi SAW satu pendekatan dakwah berkesan*. *HADIS: International Reviewed Academic Journal*. 7 (13), 2.
- Ibn ‘Āshūr, M. T. (1984). *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār Sahnūn.
- Ibn Kathīr, F. I. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Riyadh: Dār al-Tayyibah.
- Kuckartz, U. (2014). *Qualitative text analysis: a guide to methods, practice & using software*. London: Sage Publications Ltd.
- al-Marāghī, A. M. (1946). *Tafsīr al-Marāghī*. Mesir: Maktabah Mustafā al-Bābīy al-Ḥalabīy.
- al-Qurṭubī, A. M. (2006). *al-Jāmi ‘ li Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Lubnān.
- Rashīd Riḍā, M. (1999). *Tafsīr al-Manār*. Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Rāzī, F. (1997). *Tafsīr al-Kabīr*. Lubnan: Dār al-Fikr.
- Roslan A. R. Wan Ismail W. A., Nashaat A. A. B, Mohamad Z. M., Razali M., Muhammad M. A. Q. (2018). The Relation of Balaghah in the Quran verses with Islamic faith. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 8(10), 218-215.
- Syafrijal. (2013). *Tafsīr Lughawī*. Faculty of Islamic Education and Teacher Training. Indonesia: UIN Imam Bonjol Padang.
- al-Shanqīṭī, M. M. (1995). *Tafsīr al-Qurān bi al-Qurān min Adwā ‘ul Bayān*. Arab Saudi: Dār al-Fadilah.
- Ṭanṭawī, M. S. (1987). *Tafsīr al-Wasīl*. Kaherah: Dār Nahdah Misr.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167, Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 5, No. 2, (December, 2020)

- Usman, A. H. & Ahmad. H. (2019). Konsep firasat menurut al-Quran: analisis tematik wacana mufasirin. *Al Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issue*, Vol. 4(1), 1.
- al-Wahidī, A. A. (1995). *al-Wajīz fi Tafsīr al-Kitāb al-‘Aẓīz*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Wan Azura W. A., Ahmad Fazullah M. Z. A, Rosni S., Hishomuddin A., Yuslina M. & Mikail I. (2017). *Uslūb Targhīb* (Motivasi) dalam muamalah hasanah: analisis surah ad-Dhuha daripada perspektif psikologi dan retorik. *Journal of Nusantara Studies* 2 (2), 198-213.
- al-Zuhaylī, W. (1991). *Tafsīr al-Munīr*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir.